

28 SEP 1997

Kampung Buku

DR MAHATHIR AKAN RASMI KAMPUNG BUKU LANGKAWI

LANGKAWI, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Kampung Buku yang pertama di negara ini di Lubuk Semilang Ulu Melaka, Langkawi pada 3 Dis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan projek itu Abdul Rahman Ariffin berkata pelancaran itu diadakan semasa Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) dari 2 hingga 7 Dis.

Sempena pelancaran itu, penganjur akan mengadakan bazar buku selama tiga hari sebelum perasmian bagi mempromosikan Kampung Buku, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan kampung itu di sini semalam.

Katanya pelbagai jenis buku terbitan dalam dan luar negeri akan dipamerkan pada bazar itu.

Kampung yang diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan menjadi tarikan baru kepada peminat buku dalam dan luar negara. Ia merupakan yang pertama di Asia Tenggara dan ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai kampung buku di Miyagawa dan Kembuchi.

Langkawi merupakan satu daripada lebih daripada 12 kampung buku di seluruh dunia dan akan dapat menarik peminat buku untuk berkunjung ke pulau bebas cukai itu.

Abdul Rahman berkata kampung itu yang dibangunkan sebegitu rupa dengan mengekalkan keadaan sekeliling akan dapat menarik pengunjung di samping membolehkan pengunjung membaca buku sambil berehat.

Projek itu juga bertujuan menggalakkan penduduk Langkawi membaca buku dan menanam tabiat itu secara berterusan.

Kampung itu yang mengandungi enam blok bangunan dijangka siap tidak lama lagi. -- BERNAMA

ZI MAI